

**SET A**  
**BAHASA MELAYU**  
**2 jam**



**02/2**

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)**  
**NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

---

---

## **MODUL PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK**

### **PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2013**

---

---

### **BAHASA MELAYU**

#### **KERTAS 2**

**Dua jam**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B**, **Bahagian C** dan **Bahagian D**.*
2. ***Bahagian A** terdiri daripada dua bahagian : **Bahagian A(i)** dan **Bahagian A(ii)**. Anda dikehendaki supaya menjawab **kedua-dua bahagian** tersebut. **Bahagian B** dan **Bahagian D** juga mesti dijawab manakala **Bahagian C** mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab **satu** soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab **Bahagian A**, 25 minit untuk **Bahagian B**, 45 minit untuk **Bahagian C** dan 10 minit untuk **Bahagian D**.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

**[Lihat halaman sebelah**

## Bahagian A(i) – Ringkasan

[20 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kepentingan perpaduan di Malaysia**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Terdapat tiga kaum majoriti di Malaysia, iaitu Melayu, Cina dan India, manakala kaum yang lain ialah Iban, Kadazan, Sikh dan sebagainya. Pascakemerdekaan negara kita telah mengalami pelbagai perubahan yang mendadak dari segi ekonomi, sosial dan politik. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan demi mengekalkan perpaduan di Malaysia.

Antara kepentingan perpaduan adalah untuk menjamin keamanan negara. Setiap kaum mempunyai kepercayaan, adat resam, budaya, agama dan bahasa yang berbeza. Jika setiap kaum saling bertoleransi, maka pertelingkahan yang menyebabkan rusuhan kaum dapat dielakkan. Perpaduan juga dapat menjamin ekonomi negara untuk terus membangun dan masalah sosial pula dapat diminimumkan.

Dari segi politik, pemimpin negara dapat berganding bahu bagai aur dengan tebing untuk memimpin negara ke arah kemajuan. Oleh itu, rakyat yang bersatu padu dapat mengekalkan kedaulatan negara seterusnya memartabatkan bangsa Malaysia di mata dunia. Tegasnya, perpaduan dapat melahirkan negara yang harmoni dan aman damai. Sementelahan, perpaduan amat signifikan untuk meningkatkan imej negara. Masyarakat Malaysia mengamalkan sikap bertolak ansur, peramah, murah hati, dan bersopan santun sepanjang masa. Sikap komuniti Malaysia yang mengagumkan ini menjadi elemen yang menarik perhatian pelancong asing untuk melawat negara kita. Rentetan itu, integrasi kaum di Malaysia dapat meningkatkan reputasi negara kita di persada dunia.

Tambahan pula, perpaduan dapat menggalakkan pelabur asing untuk melabur di negara kita. Hal ini demikian kerana pelabur asing lazimnya lebih berminat untuk melabur di negara yang stabil berbanding negara yang huru-hara. Integrasi kaum dapat menjamin ekonomi negara daripada merosot dan meningkatkan keyakinan pelabur asing. Ekoran daripada itu, pelaburan asing dapat meningkatkan pengaliran mata wang asing ke negara kita dan seterusnya meningkatkan pendapatan negara.

Secara tuntasnya, semua pihak perlu *menggembelng tenaga* untuk mengekalkan perpaduan. Hal ini demikian kerana tanpa perpaduan, imej negara akan tercalar di persada antarabangsa dan seterusnya membawa kepada kemerosotan ekonomi negara. Kejayaan mengekalkan perpaduan di Malaysia terletak pada penglibatan dan kesungguhan semua pihak kerana hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Kepentingan Perpaduan',  
*Dewan Siswa*, Jun 2009)

**Bahagian A(ii) – Pemahaman**

[10 markah]

Berdasarkan petikan **Bahagian A(i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat-ayat sendiri.

- 1 Berikan maksud rangkai kata *menggempleng tenaga*.  
[2 markah]
  
- 2 Mengapakah pelabur asing berminat untuk melabur di negara kita?  
[4 markah]
  
- 3 Pada pendapat anda, apakah cara-cara bagi memupuk perpaduan di sekolah?  
[4 markah]

[ Lihat halaman sebelah

**Bahagian B**

[ 20 markah ]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang **kepentingan amalan gaya hidup sihat**. Panjangnya huraian anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.




Makan makanan seimbang



Menjaga kebersihan diri



Membuat pemeriksaan kesihatan



Kerap melakukan senaman

### Bahagian C

[ 40 markah ]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 180 patah perkataan**.

- 1 Sekolah anda telah menganjurkan hari kokurikulum.  
Ceritakan pengalaman anda menyertai hari kokurikulum tersebut.
- 2 Ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan disiplin anak-anak.  
Tulis pendapat anda.
- 3 Semangat kejiwaan semakin luntur dalam kalangan masyarakat kini.  
Bincangkan cara-cara memupuk semangat kejiwaan.
- 4 Persatuan Sejarah sekolah anda telah mengadakan lawatan sambil belajar ke satu tempat bersejarah. Sebagai setiausaha, anda dikehendaki menulis satu laporan tentang lawatan tersebut.  
Tulis laporan itu selengkapnya.
- 5 Peribahasa *sehari selembat benang lama-lama menjadi kain* bermaksud kerja yang dibuat dengan tekun akhirnya berjaya juga.  
Tulis sebuah cerita berdasarkan peribahasa ini.

[Lihat halaman sebelah

**Bahagian D**

[10 markah]

*Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji sama ada di Tingkatan 2 atau Tingkatan 3*

- (i) **Erti Sebuah Pengorbanan** karya Zaihanim Zainal Abidin
- (ii) **6.20** karya Siti Jasmina Ibrahim

Nilai : Kasih sayang

Berdasarkan novel yang anda kaji, huraikan **tiga contoh peristiwa** yang dapat menunjukkan nilai di atas.

**KERTAS SOALAN TAMAT**